

Isteri pemimpin saksi pameran *Seribu Wajah Dr. Mahathir*

UM 18 OCT 2003
KUALA LUMPUR 17 Okt. — Isteri pemimpin negara Islam yang berada di negara ini sempena Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), hari ini turut meluangkan masa berkunjung ke Balai Seni Lukis Negara bagi menyaksikan pameran *Seribu Wajah Dr. Mahathir*.

Rombongan itu yang diiringi oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, kagum melihat pelbagai aksi dan perwatakan Dr. Mahathir yang dirakamkan oleh media tempatan sejak 22 tahun lalu.

Delegasi wanita pertama OIC itu terdiri daripada isteri Presiden Turki, Semura Sezer; isteri Presiden Pakistan, Sehba Musharraf, isteri Timbalan Presiden Pertama Uganda, Sarah Ali dan isteri Menteri Luar Sudan, Dawlat Taj Elsir Hashim.

Mereka turut dipertontonkan dengan pertunjukan fesyen tradisional Melayu yang diberi nafas baru dan disesuaikan untuk kegunaan wanita Islam hasil ciptaan pereka fesyen tempatan.